

RM40,000 atasi banjir

Selenggara sistem perparitan 100 meter



Choon Swee meninjau keadaan perparitan dinaiktaraf bagi mengatasi masalah banjir berkenaan.

JENJARUM - Peruntukan RM40,000 diluluskan segera bagi menaiktaraf dan menyelenggarakan sistem perparitan sepanjang 100 meter di Jalan Kampung Jenjarum mengatasi masalah banjir di kampung berkenaan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Telok Datok, Philip Tan Choon Swee berkata, pihaknya optimis peruntukan itu akan dapat menyelesaikan masalah banjir di kawasan itu selama ini.

Menurutnya, peruntukan itu secara tidak langsung membuktikan Kerajaan Negeri komited membantu penduduk yang terjejas akibat banjir baru-baru ini.

"Hujan pada lewat petang lebih seminggu

itu disifatkan sebagai keadaan terburuk pernah dihadapi di kampung berkenaan sekali gus menyebabkan lebih 10 rumah dinaiki air di kampung ini merisaukan kebanyakan penduduk sehingga pelbagai pihak turun padang menghulurkan bantuan," katanya.

Pada masa sama Choon Swee meminta mangsa bersabar sementara menunggu keadaan pulih sebelum menjalankan rutin harian.

"Projek naiktaraf sistem perparitan giat dijalankan bagi memberi keselesaan kepada penduduk di sini.

"Selepas ini penduduk tidak perlu risau kerana perparitan yang didakwa tidak diendahkan kini dibaikpulih Kerajaan Negeri," katanya.